

KEJOHANAN BOLING ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KE 32, TAHUN 2025

1. OBJEKTIF

- 1.1 Untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim serta perpaduan di kalangan warga perkhidmatan awam.
- 1.2 Untuk memberikan peluang kepada pemain-pemain berkualiti dari setiap Kementerian untuk menyerlahkan bakat mereka dalam Kejohanan Boling.
- 1.3 Untuk mendorong sikap disiplin, fokus dan semangat bersaing secara sihat dalam kalangan warga perkhidmatan awam.

2. TARIKH DAN KEJOHANAN

- 2.1 Kejohanan dicadangkan diadakan **pada 28 November 2025 (Jumaat) dan 30 November 2025 (Ahad)** iaitu selama dua (2) hari dan akan mengambil tempat di **GoStrike Bowling Centre Seria** (Sesi Pagi dan Petang).

3. KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

- 3.1 Sebanyak Empat (4) kategori akan dipertandingkan:-

- 3.1.1 Kategori **Perseorangan Lelaki**
- 3.1.2 Kategori **Perseorangan Wanita**
- 3.1.3 Kategori **Berpasukan Lelaki**
- 3.1.4 Kategori **Berpasukan Wanita**

- 3.2 Format Pertandingan - setiap Pemain / Pasukan akan bermain **tiga (3) game sahaja** pada setiap perlawanan.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap pemain hanya dibenarkan untuk menyertai **satu (1) Kategori** sahaja
- 4.2 **Bagi Kategori Perseorangan Lelaki** – jumlah penyertaan adalah sebanyak **dua (2) orang sahaja** dari setiap Kementerian.
- 4.3 **Bagi Kategori Perseorangan Wanita** - jumlah penyertaan adalah sebanyak **dua (2) orang sahaja** dari setiap Kementerian.
- 4.4 **Bagi Kategori Berpasukan Lelaki** - hanya di wakili **empat (4) pemain sahaja** termasuk seorang pengurus pasukan.
- 4.5 **Bagi Kategori Berpasukan Wanita** - hanya di wakili **empat (4) pemain sahaja** termasuk seorang pengurus pasukan.
- 4.6 Pendaftaran pemain hendaklah dibuat sebelum tarikh tutup penyertaan dan pertukaran pemain hanya boleh dibuat **satu (1) hari** sebelum hari perlawanan.
- 4.7 Bagi kategori berpasukan, jika ada pemain yang tidak hadir pada hari perlawanan, minimum jumlah pemain yang boleh diteruskan bermain mewakili Kementerian masing-masing adalah seramai **tiga (3) orang sahaja** dan jika kurang dari jumlah berkenaan maka pasukan berkenaan adalah dikira menarik diri (walkover)

5. SYARAT PENYERTAAN

- 5.1 Kejohanan ini adalah terbuka kepada Pegawai dan Kakitangan yang masih berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-jabatan dibawah Kementerian masing-masing termasuk Pegawai dan Kakitangan yang berkontrak dan bergaji hari yang memegang **Kad Pengenalan Pintar berwarna Kuning dan Ungu Sahaja**.
- 5.2 Bagi **Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan**, pemain-pemain yang didaftarkan adalah terhad kepada pegawai dan kakitangan Awam sahaja (*civilian*). Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei adalah **tidak dibenarkan** menyertai kejohanan ini.

5.3 **Penuntut-penuntut Sekolah** yang menjalani Penempatan Kerja (*attachment*) di Kementerian adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk mewakili pasukan Kementerian tersebut.

5.4 **Pegawai SkiPPA (Skim Perantisan Perkhidmatan Awam)** juga **TIDAK DIBENARKAN** untuk mewakili pasukan Kementerian tersebut.

5.5 Pegawai dan Kakitangan **dari Badan Berkanun** adalah **TIDAK DIBENARKAN** mewakili mana-mana Kementerian.

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Setiap pemain atau pasukan akan dikehendaki untuk menyemak dan mengesahkan Skor masing-masing melalui "**Score Sheet**" yang dibawa / dicatit oleh setiap **Marshall** yang ditugaskan pada setiap lorong (lane) dan seterusnya menandatangani '*Score Sheet*' berkenaan sebagai pengesahan bahawa skor yang dicatit adalah betul dan teratur.

7. BORANG DAN YURAN PENYERTAAN

7.1 Pengurus-pengurus pasukan dari Kementerian-kementerian bolehlah mengisikan borang penyertaan yang disediakan dengan mengimbas **QR Code** yang tertera di **E Poster** atau melalui **Laman Sesawang RTB** dan dikembalikan kepada **Jawatankuasa Pengendali Kejohanan, di Ibu Pejabat Radio Televisyen Brunei di Bangunan Sekretariat Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan bersama-sama bayaran penyertaan secara tunai.**

7.2 Yuran penyertaan bagi **kategori berpasukan ialah sebanyak \$120.00 (satu ratus dua puluh dollar)** secara wang tunai bagi setiap pasukan.

7.3 Yuran Penyertaan bagi kategori Perseoranan ialah sebanyak **\$30.00 (tiga puluh dollar)** secara wang tunai bagi setiap pemain.

7.4 **Tarikh tutup** bagi menghantar borang serta yuran penyertaan adalah pada **20 November 2025 pukul 4 Petang.**

8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN AM

- 8.1 Kejohanan ini berpandukan kepada Undang-undang dan Peraturan Am daripada **KONGRES TENPIN BOLING NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** yang berjalan pada masa ini.
- 8.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-undang Perlawanan dan format pertandingan pada lazimnya yang digunakan oleh **KONGRES TENPIN BOLING NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**.
- 8.3 Sebarang Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kejohanan ini adalah muktamad.

9. BANTAHAN

- 9.1 Setiap bantahan atau rayuan hendaklah dibuat oleh **Ketua Pasukan atau Pengurus pasukan secara bertulis** kepada Jawatankuasa Penganjur dalam tempoh tidak lebih 30 minit selepas tamat sesuatu perlawanan dengan menyertakan **Wang Cagaran sebanyak BND\$200.00 (Ringgit Brunei: Dua Ratus Sahaja)**. Sekiranya rayuan tersebut berjaya Wang Cagaran tersebut akan dikembalikan sebanyak **BND\$100.00** sahaja dan jika bantahan gagal maka keseluruhan wang taruhan tersebut (B\$200.00) akan menjadi milik Jawatankuasa Penganjur.

10. WALKOVER

- 10.1 Pemain-pemain yang telah didaftarkan (perseorangan dan berpasukan) hendaklah berada di tempat kejohanan 30 minit sebelum perlawanan dimulakan dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemain atau pasukan berkenaan dikira menarik diri dan yuran penyertaan tidak akan dikembalikan

11. HADIAH

1. **Cenderahati Penyertaan** - kepada semua pasukan Kementerian

2. Kategori Perseorangan Lelaki

- Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Naib Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Ketiga (Piala, Medal dan Wang Tunai)

3. Kategori Perseorangan Wanita

- Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Naib Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Ketiga (Piala, Medal dan Wang Tunai)

4. Kategori Berpasukan Lelaki

- Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Naib Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Ketiga (Piala, Medal dan Wang Tunai)

5. Kategori Berpasukan Wanita

- Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Naib Johan (Piala, Medal dan Wang Tunai)
- Ketiga (Piala, Medal dan Wang Tunai)

6. Most strike lelaki

7. Most strike wanita

8. Juara Keseluruhan

12. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK TERKANDUNG DALAM PERATURAN

- 12.1 Perkara-perkara yang berbangkit dan tidak terkandung dalam peraturan yang telah ditetapkan di dalam kejohanan ini bolehlah dirujuk kepada Jawatankuasa Penganjur .

13. MAKLUMAT LANJUT

- 13.1 Bagi sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan boleh menghubungi **Awang Halidi bin Hassan di talian 8620209** atau **Awang Haji Muhammad Azizi bin Awang Ahmad di talian 8674621.**